



**MAJLIS PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)**

## **Peraturan Pemarkahan**

**MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2014  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

### **AMARAN**

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.  
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**
- b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi** [20 markah]

**Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan :  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
  - nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan:**

Petikan tersebut membincangkan kelebihan/keistimewaan/kebaikan/manfaat menguasai bahasa asing dalam kalangan rakyat Malaysia pada era globalisasi/ pada masa ini.

2 m

**Isi Tersurat:**

1. memperkaya pembangunan modal insan dalam negara 2 m
2. dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja. 2 m
3. Keyakinan seseorang akan bertambah apabila bertutur di khalayak yang dihadiri oleh pelbagai bangsa. 2 m
4. membantu perwakilan negara memahami sesuatu perincian perjanjian. 2 m
5. menjamin rundingan perdagangan yang lebih bermakna. 2 m
6. membolehkan seseorang memperoleh, serta memindahkan pengetahuan dan teknologi dalam segenap bidang. 2 m
7. proses mempelajari ilmu dalam pelbagai bidang ilmu akan menjadi lebih licin. 2 m
8. memudahkan tugas harian para diplomat 2 m
9. mengangkat martabat diplomat Malaysia kepada negara asing. 2 m

**Isi Tersirat:**

1. Yuran pengajian/pembelajaran bahasa asing tinggi/sangat mahal 2 m
2. Masalah nahu/sebutan/slanga mengikut budaya bahasa asing 2 m
3. Kekurangan tenaga pengajar/ tiada guru yang kompeten 2 m
4. Tidak wujud persekitaran pembelajaran dalam kalangan pelajar 2 m
5. Bahasa tulisan dan bahasa lisan/pertuturan harian mempunyai perbezaan 2 m
6. Masalah kaedah pembelajaran bersifat tradisi 2 m

**Kesimpulan:**

Kesimpulannya, semua pihak perlu menggalakkan penguasaan bahasa asing dalam kalangan masyarakat supaya kemajuan negara dapat direalisasikan/ dirancarkan.

2 m

(Terima kesimpulan lain yang sesuai)

## b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.</li> </ul>

**Nota :**

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10** markah]

**Soalan 2**

Markah penuh 35 markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum**

- |                             |  |   |
|-----------------------------|--|---|
| (i)                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>- satu hal/keadaan tidak masuk akal/tidak mungkin/tidak boleh jadi</li> <li>- satu hal mustahil.</li> <li>- suatu perkara tidak masuk akal/tidak mungkin/tidak boleh jadi</li> </ul>  | <p>2 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>            |
| <b>(Maksimum: 2 markah)</b> |  |   |
| (ii)                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>- sebagai alat untuk berkomunikasi.</li> <li>- merupakan lambang atau identiti nasional</li> <li>- sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan rakyat sesebuah negara</li> </ul>   | <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>            |
| <b>(Maksimum: 3 markah)</b> |  |   |
| (ii)                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengajar anak-anak sejak kecil</li> <li>- menghantar anak ke kelas bahasa asing</li> <li>- membelikan anak cd video / kartun / buku dalam bahasa asing</li> <li>- membacakan cerita (buku cerita) dalam bahasa asing</li> </ul> | <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> |
| <b>(Maksimum: 4 markah)</b> |  |   |

(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

- (i) Keadaan :
  - dibisingi dengan bunyi bedilan dan ledakan
  - kedengaran beduk subuh dari Kampung Tuk Lukup
  - hingar – bingar daripada jiran-jiran
  - api sedang menjulang di sebelah matahari jatuh
  - satu ledakan menyala berhampiran pagar ubi kayu

(Maksimum 2 markah)
- (ii) Sebab penulis berubah fikiran
  - hilang perasaan takut/ terlalu geram
  - berasa terdesak dengan keadaan
  - terlalu sayang akan keluarganya
  - terlalu sayang akan negara/ tanah air
  - ingin berbakti kepada agama / syahid

(Maksimum 3 markah)

(iii) Persoalan dalam petikan:

- Peperangan membawa kesengsaraan / kemusnahan. Contoh : Penduduk kampung hingar-bingar dalam keadaan takut (1 + 1)
- Kasih sayang dalam keluarga. Contoh : Keluarga penulis berkumpul bersama-sama bagi menghadapi sebarang kemungkinan (1 + 1)

[Maksimum 2 markah]

Persoalan dalam keseluruhan cerpen

- Keberanian menentang musuh / penjajah. Contoh : Pak Hussin berani menipu tentera Jepun untuk menyelamatkan orang Kampung/ dirinya. Pak Hussin berani membedil perompak (1 + 1)
- Kerjasama dalam masyarakat. Contoh : Penduduk kampung bekerjasama mengangkut barang-barang ke atas perahu ketika hendak meninggalkan kampung mereka. (1 + 1)

[Maksimum 2 markah]

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

(i) Perkara yang dilakukan :

- segera mencabut kerisnya.
- lalu menikam seekor ayam
- mendapatkan Tuanku Nakhoda Tua
- memberitahu bahawa dia yang memelihara geliung itu daripada amukan Tuan Puteri Dayang Nuramah

[Maksimum 2 markah]

(ii) Enggan terima pengakuan :

- perjalanan belum sampai ke destinasi / masih dalam perjalanan
- masih berhadapan / belum terlepas bahaya besar
- lautan yang akan ditempuhi dipenuhi bajak laut

[Maksimum 3 markah]

(iii) Sebab beria-ia mengambil hati :

- ingin mengahwini puteri
- ingin membolot kekayaan / kekuasaan
- ingin mengalahkan pesaing-pesaingnya
- berpendapat tuanku Nakhoda Tua mudah dipengaruhi

[Maksimum 3 markah ]

**Soalan 2 (d): Gurindam**

- (i) Sifat baik seorang pekerja :
- menghargai masa
  - tekun dan gigih bekerja
  - tidak membazir
  - teliti / adil dan saksama
  - sabar / tenang
  - tunjukkan kebolehan ikut kemampuan

[Maksimum 3 markah ]

- (ii) Cara-cara untuk mendapat nikmat keseronokan bekerja:
- menanam minat kepada kerja / tugas
  - menganggap kerja sebagai ibadat
  - bergaul dengan semua orang / tidak sombong
  - sentiasa jujur dan ikhlas

[Maksimum 3 markah ]

- (iii) Pengajaran daripada gurindam :
- Kita hendaklah bijak menguruskan masa.  
Contoh : tidak bersikap suka menangguhkan kerja
  - Kita hendaklah tekun dan gigih melaksanakan tugas  
Contoh : melakukan kerja yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya
  - Kita hendaklah bijaksana dalam membuat keputusan  
Contoh : tidak terburu-buru dalam tindakan dan sentiasa berbincang atau bermesyuarat.

[ Maksimum : 3 markah]

**Soalan 3**  
Markah penuh 30 markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

**Soalan 3(a)**

- (i) dahulu - yang lepas(berlalu) / yang telah lampau / pd masa(waktu) yg lalu (sebelum ini) / pertama sekali / lebih awal / paling depan / paling awal.
- (ii) pendahuluan - permulaan(penulisan) / bayaran (yg merupakan sebahagian dpd harga sesuatu) / bayaran muka
- (iii) mendahului - membuat lebih awal / melakukan (sesuatu) lebih awal dpd segala sesuatu yg lain / memulai
- (iv) mendahulukan - membuat sesuatu lebih awal dpd yang lain / memberikan keutamaan
- (v) terdahulu - yg lebih dahulu atau lebih awal / yg mula-mula / yg sudah ada sebelum golongan yg sekarang ini
- (vi) didahului - dimulakan dengan / sebelum melakukan sesuatu

[Maksimum : 6 markah]

**Soalan 3 (b) : Menyambung ayat**

1. Sektor pertanian antara kegiatan **yang** amat penting dalam memacu perkembangan ekonomi sesebuah negara.
2. Sektor ini **bukan sahaja** memberikan pulangan ekonomi **malah** boleh memberikan kesan positif **dan** negatif terhadap kualiti alam sekitar.
3. Kejayaan dalam sektor pertanian tidak seharusnya diukur dari perspektif pulangan ekonomi semata-mata **tetapi** diukur dari sudut pemuliharaan **dan** perlindungan alam sekitar dalam membangunkan aktiviti tersebut.



Arahan untuk soalan 3 (b):

Asas pemberian markah:

Isi = 3 markah

Bahasa = 3 markah

(Baik – 3 markah ; Sederhana – 2 markah; Lemah – 2 markah)

- Sekiranya pelajar membina 2 atau 4 ayat, tolak 50% markah isi
- Sekiranya pelajar membina 1 atau 5 ayat atau lebih beri 0 markah untuk isi

[Maksimum: 6 markah]

**Soalan 3 (c) : Kesalahan ejaan dan imbuan**

- |      |                 |   |                 |
|------|-----------------|---|-----------------|
| i)   | penyelenggaraan | - | penyelenggaraan |
|      | mencat          | - | mengecat        |
| ii)  | kepanasan       | - | pemanasan       |
|      | eksterem        | - | ekstrem         |
| iii) | menafsirkan     | - | mentafsirkan    |
|      | memikirkan      | - | berfikir        |

[Maksimum: 6 markah]

**Soalan 3 (d) : Kesalahan penggunaan kata/istilah dan kesalahan tatabahasa**

- |      |                              |   |                          |
|------|------------------------------|---|--------------------------|
| i)   | memaklumkan                  | - | mengumumkan / memberikan |
|      | selain daripada pengecualian | - | selain pengecualian      |
| ii)  | asal                         | - | warisan / tradisi        |
|      | rujukan sumber               | - | sumber rujukan           |
| iii) | ketara                       | - | kronik / teruk / serius  |
|      | berbanding kaum              | - | berbanding dengan kaum   |

[Maksimum: 6 markah]

**Soalan 3(e) : Peribahasa**

- i) Menangguk di air keruh
- ii) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- iii) Sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan / Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak berguna

[Maksimum: 6 markah]

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4****Soalan 4(a)**

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :

Baik	=	3 markah
Sederhana	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

**Soalan 4(b)**

- i. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraian yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;

Baik	=	2 markah
Lemah	=	1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

**PERATURAN PEMARKAHAN NOVEL****(a) Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak.****NOVEL AZFA HANANI**

- Datin Maziah amat menyayangi anaknya Tengku Murni dan telah menghadiahkan sebuah kereta sebagai hadiah hari lahir.
- Datin Maziah tidak dapat menerima hakikat kematian Tengku Murni akibat kemalangan jalan raya kerana amat menyayangi anaknya itu.
- Datin Maziah juga menyayangi anak-anaknya seperti Tengku Mazran dan Tengku Muzaffar.

**NOVEL KEMBARA AMIRA**

- Prof Zaidah menyayangi anaknya Amira dan setiap kali cuti sekolah Amira pasti akan mengikut ibunya kerana kesibukannya bekerja.
- Prof Zaidah menyesal kerana terlalu sibuk bekerja sehingga mengabaikan anak kesayangannya iaitu Amira.

- Prof Zaidah mencari Amira dan Jacinta apabila menyedari mereka tiada di dalam khemah dan mencari mereka di Gunung Gua Gajah.

**(b) Peristiwa di peringkat permulaan novel**

**NOVEL AZFA HANANI**

- Azfa Hanani yang berasa takut setelah mengetahui bahawa orang yang selalu mencuri buku-buku rujukan di perpustakaan telah dikenal pasti dan akan ditangkap.
- Dia kemudiannya dipanggil ke bilik pengetua. Wajahnya dikatakan seiras Tengku Murni oleh Tengku Mazran dan Kak Syafinaz.
- Tengku Mazran meminta Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni iaitu adiknya yang terbunuh dalam suatu kemalangan jalan raya. Memikirkan masa depan persekolahannya serta peluang untuk membantu sepupunya, Zuraini mendapatkan rawatan, Azfa Hanani bersetuju menerima tawaran Tengku Mazran.

**NOVEL KEMBARA AMIRA**

- Amira bersama Jacinta memulakan pengembaraan menaiki kereta api ke Bukit Mat Raya untuk menyertai ekskavasi menjejak kewujudan tamadun awal manusia.
- Dalam kereta api itu Amira tertarik dengan seorang pemuda berkulit sawo matang duduk di sebelah seorang lelaki tua berkulit putih. Pemuda itu ialah Malique yang terkilan kerana ibunya menyuruh dia mengikut O'Hara.
- Sementara itu di Bukit Mat Raya hujan turun dengan lebat. Tali khemah putus. Peristiwa itu menjadi tanda tanya kepada Prof. Zaidah dan Dr. Zawawi. Namun mereka menyembunyikan hal tersebut daripada pengetahuan pelajar mereka.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**